



Headline: Ditipu lelaki menyamar pegawai Bank Negara
Publication/Portal: Utusan Malaysia
Date: 4 October 2020

Language: Malay
Section: Dalam Negeri
Page: 37

Ditipu lelaki menyamar pegawai Bank Negara

KUANTAN: Kerugian RM23,430 selepas menerima mesej dari 'pegawai Bank Negara'.

Demikian nasib seorang guru berusia 49 tahun di Temerloh dekat sini apabila ditipu lelaki yang menyamar sebagai pegawai bank tersebut.

Guru tersebut menerima mesej melalui aplikasi WhatsApp mengatakan dia membuat transaksi sewaan bilik hotel.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintenden Mohd. Wazir Mohd. Yusof berkata, mangsa terus menghubungi talian *hot-line* yang dinyatakan dalam mesej tersebut.

"Mangsa bercakap dengan seorang wanita menyamar pegawai bank yang memberitahu pengadu mempunyai kad Master Gold Maybank dan terdapat tunggakan RM4,778.90.

"Suspek menyuruh pengadu menghubungi Bank Negara melalui nombor yang diberikan," katanya.

Mohd. Wazir berkata, mangsa menghubungi nombor berkenaan dan bercakap dengan lelaki memperkenalkan diri sebagai Lee dari Bank Negara untuk menyemak transaksi.

"Pengadu memberi maklumat nombor akaun sebelum menerima kod pengesahan transaksi (TAC) Bank Islam,



MOHD. WAZIR MOHD. YUSOF

Maybank dan Hong Leong Bank melalui khidmat pesanan ringkas (SMS).

"Tanpa sebarang syak, semua nombor TAC itu diserahkan kepada Lee. Selepas TAC diserahkan, mangsa menyamak baki akaun," tambahnya.

Beliau berkata, semakan tersebut mendapati baki akaun Maybank serta Bank Islam miliknya telah berkurangan RM9,360 dan RM9,070.

Selain itu, akaun kad kredit Hong Leong Bank miliknya juga merekodkan wang keluar sebanyak RM5,000 melalui dua transaksi.

Mangsa membuat laporan di Balai Polis Lanchang, Temerloh dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.